

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XX)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA  
YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN**

8. Pulau Pinang dan Malaysia dilanda wabak COVID-19 baru-baru ini.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi impak kesan kawalan kemasukan warga asing ke negeri ini yang sebahagian besarnya adalah pelancong perubatan yang berkunjung ke Pulau Pinang sebelum ini?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. (a) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kerajaan Negeri akan mematuhi peraturan dan sekatan PKP. Oleh itu, sebarang tindakan untuk mengatasi penurunan pelancong perubatan sewajarnya dilakukan selepas PKP ditarik balik di mana pelancong dibenarkan memasuki semula ke negara ini.

Selepas PKP ditarik balik, perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi impak kesan kawalan kemasukan warga asing ke negeri ini yang sebahagian besarnya adalah pelancong perubatan yang berkunjung ke Pulau Pinang sebelum ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti laluan penerbangan antarabangsa (international air connectivity) yang kurang terkesan dengan kawalan kemasukan warga asing dan dibenarkan masuk ke Pulau Pinang;

- (ii) Menjalankan aktiviti promosi dan pemasaran kepada bandar-bandar yang dibenarkan masuk dan mempunyai laluan penerbangan terus ke Pulau Pinang;
- (iii) Memberikan tumpuan kepada destinasi-destinasi yang mempunyai penerbangan terus (direct flight) ke Pulau Pinang. Mengikut trend semasa, kebanyakan pelancong perubatan datang dari Indonesia, khususnya Medan, Jakarta dan Surabaya;
- (iv) Memberi fokus kepada pasaran seperti Thailand Selatan dan China untuk mempelbagaikan pasaran perubatan dan tidak hanya bergantung kepada pasaran Indonesia sahaja; dan
- (v) Memberi tumpuan kepada bidang *In Vitro Fertilization* (IVF) dan vaksinasi bagi memperkembangkan pelancongan perubatan Pulau Pinang.